



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN
BIASISWA PENDIDIKAN UNIVERSITI
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

KANDUNGAN

Bil	Perkara	Mukasurat
1.0	Pendahuluan	1
2.0	Tujuan Penajaan Biasiswa	1
3.0	Bilangan Pelajar	1
4.0	Syarat-syarat dan Kriteria Pemilihan	1-2
5.0	Penajaan Biasiswa Pelajar	3
	5.1 Pelajar Tempatan	3
	5.2 Pelajar Antarabangsa	3
	5.3 Tempoh Penajaan biasiswa	3
6.0	Prosedur Permohonan	3-4
7.0	Pemilihan Pelajar	4-5
8.0	Penilaian Prestasi Akademik	5
	8.1 Pelajar Ijazah Sarjana Muda	5
	8.2 Pelajar Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran	6
	8.3 KPI Tahunan Pelajar Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran	6
9.0	Penamatan Biasiswa	6-7
10.0	Kontrak	7
11.0	Tatatertib dan Kelakuan	7
12.0	Calon-Calon Yang Tidak Layak	7
13.0	Glosari	8
	Lampiran	
	Lampiran 1 Borang Permohonan Biasiswa Ijazah Sarjana Muda	
	Lampiran 2 Borang Permohonan Biasiswa Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran	
	Lampiran 3 Carta Alir Proses Permohonan Biasiswa	
	Lampiran 4 Terma Rujukan Jawatankuasa Biasiswa Pendidikan Fakulti/ Pusat	
	Lampiran 5 Terma Rujukan Jawatankuasa Pemilih	
	Lampiran 6 Terma Rujukan Jawatankuasa Biasiswa Pendidikan Universiti	
	Lampiran 7 Borang Penilaian Temuduga Ijazah Sarjana Muda	
	Lampiran 8 Borang Penilaian Temuduga Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran	
	Lampiran 9 Kontrak Perjanjian Ijazah Sarjana Muda	
	Lampiran 10 Kontrak Perjanjian Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran	

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Garis Panduan Biasiswa Pendidikan Universiti, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) ini akan digunakan sebagai rujukan dan panduan dalam proses pengurusan biasiswa yang ditawarkan oleh UMK dan menjelaskan berkenaan perkara berikut:

- a) Tujuan Penajaan Biasiswa
- b) Bilangan Pelajar
- c) Syarat-syarat dan Kriteria Pemilihan
- d) Penajaan Biasiswa Pelajar
- e) Prosedur Permohonan
- f) Pemilihan Pelajar
- g) Penilaian Prestasi Akademik
- h) Penamatan Biasiswa
- i) Kontrak Perjanjian

1.2 Ia membantu Jawatankuasa Pemilih menentukan kelayakan pemohon untuk dipertimbangkan penajaan biasiswa.

2.0 TUJUAN PENAJAAN BIASISWA

2.1 Memberi sokongan kewangan kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran bagi pelajar tempatan dan Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran sahaja bagi pelajar antarabangsa.

2.2 Penajaan biasiswa diberikan kepada pelajar-pelajar yang cemerlang dan memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Biasiswa Pendidikan Universiti (JKBPU).

2.3 Sebagai satu inisiatif untuk meningkatkan bilangan enrolmen pelajar tempatan dan antarabangsa di UMK.

3.0 BILANGAN PELAJAR

3.1 Biasiswa ini ditawarkan kepada 20 orang pelajar dari kategori tempatan dan 20 orang pelajar antarabangsa pada satu-satu masa.

4.0 SYARAT-SYARAT DAN KRITERIA PEMILIHAN

4.1 Permohonan penajaan biasiswa ini terbuka kepada pelajar:

- 4.1.1 **Tempatan** – Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran
- 4.1.2 **Antarabangsa** – Sarjana dan Kedoktoran

- 4.2 Sama ada warganegara atau bukan warganegara Malaysia;
- 4.3 Berumur 45 tahun dan ke bawah;
- 4.4 Bagi **pelajar tempatan**, calon mestilah mempunyai kecemerlangan akademik dan bukan akademik yang diiktiraf oleh JKBPU serta memenuhi kriteria berikut:
 - 4.4.1 Mencapai PNGK ≥ 3.50 dan ke atas di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), Matrikulasi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia/ UIA/ Politeknik/ Program Asasi IPTA/ Diploma dan lain-lain setaraf dengannya bagi Ijazah Sarjana Muda.
 - 4.4.2 Mendapat pangkat Jayyid Jiddan di peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).
 - 4.4.3 Mencapai sekurang-sekurangnya PNGK ≥ 3.50 atau Ijazah Sarjana Muda yang setaraf dengannya bagi Ijazah Sarjana.
 - 4.4.4 Mencapai sekurang-sekurangnya PNGK ≥ 3.50 dan ke atas di peringkat ijazah pertama daripada mana-mana universiti yang diiktiraf bagi Ijazah Kedoktoran.
 - 4.4.5 Tidak menerima apa-apa biasiswa atau penajaan lain semasa memohon atau menerima penajaan biasiswa ini;
 - 4.4.6 Mengikuti kursus dan program pengajian secara sepenuh masa di UMK;
 - 4.4.7 Keutamaan diberikan kepada pelajar cemerlang dari golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40).
- 4.5 Bagi **pelajar antarabangsa**, calon mestilah mempunyai kecemerlangan akademik dan bukan akademik yang diiktiraf oleh JKBPU serta memenuhi kriteria berikut:
 - 4.5.1 Mencapai sekurang-sekurangnya PNGK ≥ 3.50 atau Ijazah Sarjana Muda yang setaraf dengannya bagi Ijazah Sarjana.
 - 4.5.2 Mencapai sekurang-sekurangnya PNGK ≥ 3.50 dan ke atas di peringkat ijazah Sarjana daripada mana-mana universiti yang diiktiraf bagi Ijazah Kedoktoran.
 - 4.5.3 Tidak menerima apa-apa biasiswa atau penajaan lain semasa memohon atau menerima penajaan biasiswa ini;
 - 4.5.4 Mengikuti kursus dan program pengajian secara sepenuh masa di UMK.
- 4.6 Penajaan biasiswa ini boleh ditawarkan kepada pelajar yang layak mengikut kesesuaian dan keperluan yang mana akan diputuskan oleh Naib Canselor dan JKBPU.

5.0 PENAJAAN BIASISWA PELAJAR

5.1 Pelajar Tempatan

- 5.1.1 Penajaan biasiswa meliputi yuran pengajian, yuran perkhidmatan dan lain-lain yuran yang dikenakan kepada pelajar.
- 5.1.2 Elaun Sara Hidup sebanyak RM500.00 setiap bulan dalam tempoh semester pengajian yang wajib dihadiri.

5.2 Pelajar Antarabangsa

- 5.2.1 Penajaan biasiswa meliputi yuran pengajian, yuran perkhidmatan dan lain-lain yuran yang dikenakan kepada pelajar antarabangsa tidak termasuk kos *Medical Check up*, *Personal Bond* dan Wang Hemat Diri;
- 5.2.2 Pelajar antarabangsa yang menerima penajaan Biasiswa adalah layak menerima semua kemudahan yang disediakan oleh pihak Universiti termasuk perubatan, perpustakaan dan pengangkutan.

5.3 Tempoh penajaan biasiswa

- 5.3.1 Tempoh lazim bagi penajaan biasiswa bagi Ijazah Sarjana Muda adalah seperti berikut :
 - a. Program Sains Sosial - lapan (8) semester;
 - b. Program Sains Teknologi – lapan (8) semester;
 - c. Program Sains Kesihatan - sepuluh (10) semester.
- 5.3.2 Tempoh lazim bagi penajaan biasiswa bagi Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran adalah seperti berikut :
 - a. Ijazah Sarjana - empat (4) semester;
 - b. Ijazah Kedoktoran - enam (6) semester

7.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- 7.1 Permohonan adalah dipelawa daripada pelajar yang telah menerima surat tawaran untuk melanjutkan pengajian secara sepenuh masa peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran di UMK.
- 7.2 Pelajar yang ingin memohon perlu mengisi borang permohonan biasiswa. Borang tersebut boleh dimuat turun melalui laman web Bahagian Pentadbiran Akademik (BPA) di **Lampiran 1** bagi pelajar prasiswazah manakala bagi pelajar pascasiswazah melalui Pusat Pengajian Siswazah (PPS) UMK di **Lampiran 2**.

- 7.3 Pelajar hendaklah melengkapkan borang permohonan bersama dokumen sokongan dan dihantar kepada **Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA)** bagi pelajar prasiswazah manakala bagi pelajar pascasiswazah kepada Pusat Pengajian Siswazah (PPS). Permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat permohonan tidak akan diproses oleh BPA/ PPS.
- 7.4 Proses permohonan dan pemilihan diringkaskan dalam carta alir yang di **Lampiran 3**.

8.0 PEMILIHAN PELAJAR

- 8.1 Borang permohonan perlu mendapat sokongan Jawatankuasa Biasiswa Pendidikan Universiti peringkat Fakulti/ Pusat (JKBPF). Terma rujukan Jawatankuasa JKBPF seperti di **Lampiran 4**.
- 8.2 Fakulti perlu kemukakan senarai pelajar yang telah disokong oleh JKBPF dihantar kepada HEPA atau PPS untuk dibawa ke peringkat temuduga oleh Jawatankuasa Pemilih. Terma rujukan Jawatankuasa Pemilih seperti di **Lampiran 5**.
- 8.3 Pemilihan pelajar akan dibuat oleh Jawatankuasa Pemilih melalui sesi temuduga atau apa-apa kaedah yang bersesuaian sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Biasiswa Pendidikan Universiti (JKBPU). Bagi permohonan Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran, sesi temuduga diadakan bagi menentukan kefasihan Bahasa Inggeris pelajar serta memastikan calon dapat membantu UMK dalam mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) penerbitan sepertimana yang disasarkan oleh JKBPU.
- 8.4 Keputusan permohonan biasiswa dijangka akan diumumkan selepas 30 hari dari tarikh tutup permohonan.
- 8.5 Mana-mana pemohon yang tidak mendapat sebarang maklumbalas dalam tempoh 30 hari, permohonan anda dianggap **TIDAK BERJAYA**.
- 8.6 Keputusan memperakukan penerima biasiswa oleh Jawatankuasa Biasiswa Pendidikan Universiti (JKBPU) adalah muktamad. Walaubagaimanapun, penajaan biasiswa ini boleh ditawarkan kepada pelajar yang layak mengikut kesesuaian dan keperluan yang mana akan diputuskan oleh Naib Canselor dan JKBPU. Terma rujukan Jawatankuasa JKBPU seperti di **Lampiran 6**.

8.7 Kriteria dan wajaran untuk pemilihan calon Ijazah Sarjana Muda adalah seperti berikut:

No.	Kriteria Pemilihan	Wajaran (%)
1.	Pencapaian Akademik	35
2.	Latar belakang keluarga dan kewangan	30
3.	Aktiviti Ko-kurikulum/ Kegiatan Luar	10
4.	Kemahiran Komunikasi	15
5.	Sikap/ Sahsiah Perwatakan	10
	Jumlah	100

8.8 Kriteria dan wajaran untuk pemilihan calon Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran adalah seperti berikut:

No.	Kriteria Pemilihan	Wajaran (%)	
		Ijazah Sarjana	Ijazah Kedoktoran
1.	Pencapaian Akademik	40	20
2.	Penerbitan		20
3.	Pencapaian Penyelidikan	10	10
4.	Kegiatan Luar/ Ko-kurikulum	15	15
5.	Kemahiran Komunikasi	20	20
6.	Sikap/ Sahsiah Perwatakan	15	15
	Jumlah	100	100

8.9 Kaedah pengiraan markah adalah ditunjukkan dalam Borang Penilaian Temuduga Ijazah Sarjana Muda di **Lampiran 7** dan Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran di **Lampiran 8**.

9.0 PENILAIAN PRESTASI AKADEMIK

9.1 Pelajar Ijazah Sarjana Muda

Penilaian prestasi akademik penerima biasiswa akan dinilai pada setiap semester dan jika penerima gagal mengekalkan keputusan peperiksaan bagi setiap semester dengan PNGS 3.0 maka tawaran penajaan biasiswa tersebut boleh dihentikan atau apa-apa juga keputusan lain yang ditentukan oleh JKBPU.

9.2 Pelajar Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran

Penilaian prestasi akademik penerima biasiswa akan dinilai pada setiap semester pengajian dan jika penerima tidak mencapai Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator*, KPI) yang ditetapkan maka penajaan biasiswa tersebut boleh dihentikan atau apa-apa juga keputusan lain yang ditentukan oleh JKBPU.

9.3 Pelajar Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran perlu mencapai KPI Tahunan yang telah ditetapkan berkuatkuasa selari dengan kelulusan penajaan biasiswa mengikut tahun pembiayaan. KPI Tahunan penerima penajaan biasiswa adalah seperti berikut :

IJAZAH SARJANA	IJAZAH KEDOKTORAN
Mod secara kerja kursus <ul style="list-style-type: none">➤ Mengekalkan keputusan PNGS 3.0 dan ke atas setiap semester bagi pengajian secara kerja kursus;	➤ Menerbitkan tiga (3) artikel sebagai pengarang pelajar pertama dalam jurnal Q2 ke atas atau Jurnal berindeks WoS/ SCOPUS.
Mod Penyelidikan <ul style="list-style-type: none">➤ Mengekalkan prestasi akademik memuaskan bagi pengajian secara penyelidikan;➤ Menerbitkan dua (2) artikel sebagai pengarang pelajar pertama dalam jurnal Q2 ke atas atau Jurnal berindeks WoS/ SCOPUS.	

10.0 PENAMATAN BIASISWA

10.1 Pelajar yang menerima penajaan biasiswa boleh ditamatkan penajaan sekiranya;

- ditamatkan pengajian oleh Universiti; dan/ atau
- melakukan pelanggaran terhadap peruntukan di bawah syarat-syarat semasa pengajian yang dinyatakan dalam kontrak Perjanjian dan/ atau mana-mana peruntukan atau hal dalam Perjanjian; dan/ atau
- disabitkan dengan tatatertib dan kesalahan berdasarkan Perlembagaan Universiti, Statut, Akta, Peraturan-peraturan dan Kaedah-kaedah yang dikeluarkan dan berkuatkuasa di UMK;

- d. sekiranya terdapat pelanggaran syarat-syarat dan kriteria pemilihan yang ditetapkan, serta mengemukakan maklumat, dokumen palsu atau yang tidak benar, pelajar boleh diambil tindakan mengikut prosedur tindakan tatatertib pelajar yang berkuatkuasa di UMK . Pihak JKBPU boleh menamatkan penajaan biasiswa dan dengan itu pelajar adalah bertanggungjawab di sisi undang-undang untuk dengan serta-merta membayar balik kepada Universiti Jumlah Biasiswa tersebut.
- e. gagal mengekalkan keputusan PNGS 3.0 dan ke atas setiap semester bagi **pelajar Ijazah Sarjana Muda**;
- f. gagal mengekalkan keputusan PNGS 3.0 dan ke atas setiap semester bagi **pelajar Ijazah Sarjana yang mengikuti pengajian secara kerja kursus**;
- g. prestasi pencapaian akademik tidak memuaskan setiap semester bagi **Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran yang mengikuti pengajian secara mod penyelidikan**.

11.0 KONTRAK

Satu kontrak perlu ditandatangani di antara UMK dan penerima penajaan biasiswa yang berjaya dipilih. Kontrak yang dimeterai perlu merangkumi semua perkara yang berkaitan dengan penajaan biasiswa di UMK. Kontrak perjanjian Ijazah Sarjana Muda seperti di **Lampiran 9** dan Kontrak perjanjian Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran seperti di **Lampiran 10**.

12.0 TATATERTIB DAN KELAKUAN

Sepanjang pengajian, penerima penajaan biasiswa juga adalah tertakluk kepada Perlembagaan Universiti dan segala Statut, Akta, Peraturan-peraturan dan Kaedah-kaedah yang berkuatkuasa di Universiti ini dan kepada Arahan-arahan Pentadbiran yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Universiti dari semasa ke semasa.

13.0 CALON-CALON YANG TIDAK LAYAK

- 13.1 Pelajar-pelajar yang tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- 13.2 Calon yang telah mendapat tajaan daripada mana-mana badan penaja lain.
- 13.3 Pelajar yang sedang mengikuti program separuh masa.
- 13.4 Pelajar yang sedang mengikuti Program Kerjasama, Program Berkembar, Program *Double Degree*, Program Luar Kampus dan Program Jarak Jauh.

GLOSARI

Aktiviti Ko-Kurikulum

Aktiviti kebudayaan, kelab/ persatuan dan sukan yang tidak diambil kira dalam PNGK atau tidak berkredit Anjuran pihak hal ehwal pelajar atau sekolah, fakulti atau di peringkat negeri, nasional atau antarabangsa. Pemarkahan aktiviti ini mengambil kira pencapaian dan penglibatan calon dalam penyertaan aktiviti.

Jawatankuasa Biasiswa Pendidikan Universiti

Ahli yang dilantik oleh Naib Canselor untuk memperakukan cadangan pilihan pelajar yang layak bagi menerima tajaan biasiswa.

Jawatankuasa Biasiswa Pendidikan Universiti peringkat Fakulti

Ahli yang dilantik oleh Dekan Fakulti/ Pusat untuk menyokong permohonan pelajar yang layak untuk dibawa ke sesi temuduga.

Jawatankuasa Pemilih

Ahli yang dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Biasiswa Pendidikan Universiti dan bertanggungjawab menjalankan pemilihan pelajar-pelajar sama ada dengan menggunakan ujian bertulis atau lisan atau kedua-duanya, perjumpaan atau temuduga

Kemahiran Komunikasi

Kemahiran komunikasi dinilai dari segi kepetahan, kefahaman dan komunikasi bukan lisan (*body language*)

Latar belakang keluarga & Kewangan


Maklumat pendapatan isi rumah termasuk jumlah gaji bapa, ibu atau penjaga pelajar

Pencapaian Akademik

Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) calon

Sikap/ Sahsiah perwatakan

Sahsiah bermaksud peribadi atau personaliti. Sifat sahsiah merangkumi penampilan diri, pemikiran, perasaan, budi pekerti, persepsi, tabiat, sikap dan watak seseorang calon.

	Tarikh Kkuatkuasa: 9 September 2020
	BORANG PERMOHONAN BIASISWA UNIVERSITI PASCASISWAZAH POSTGRADUATE SCHOLARSHIP APPLICATION FORM

Jenis Biasiswa : <i>Type Of Scholarship</i>		Biasiswa Naib Canselor <i>Vice- Chancellor Scholarship</i>		Biasiswa Pendidikan Universiti <i>Educational University Scholarship</i>	Gambar berukuran pasport <i>Passport Size Photo</i>
A.BUTIRAN DIRI PEMOHON / Personal Information Of Applicant					
Nama (dalam huruf besar : <i>Name (in capital letters)</i>)					
No. Kad Pengenalan / Pasport : <i>Identity Card No. / Passport No.</i>					
No. Matrik : <i>Matric No</i>					
Tarikh Lahir : <i>Date of Birth</i>					
Umur : <i>Age</i>					
Jantina: <i>Gender</i>					
Warganegara : <i>Nationality</i>					
Negara Asal : <i>Origin Country</i>					
Taraf perkahwinan : <i>Marital status</i>					
Bilangan anak <i>No. of Children</i>					
Maklumat Hubungan : <i>Contact Details</i>					
No. Telefon : <i>Telephone No</i>					
Alamat emel : <i>Email Address</i>					
Alamat surat menyurat: <i>Mailing Address</i>					
Poskod: <i>Postcode</i>		Negeri : <i>State</i>			
Negara : <i>Country</i>					

Tarikh Kuatkuasa: 9 September 2020



**BORANG PERMOHONAN BIASISWA UNIVERSITI
PASCASISWAZAH
POSTGRADUATE SCHOLARSHIP APPLICATION FORM**

B. MAKLUMAT PENDIDIKAN /Academic Background

Butiran Information	Sarjana Muda Bachelor	Sarjana Master
Nama Ijazah Name of Degree		
Kelas/PNGK Class/CGPA		
Bidang Specialization		
Tahun Year		
Nama Universiti Name of the University		

Tarikh Kkuatkuasa: 9 September 2020



**BORANG PERMOHONAN BIASISWA UNIVERSITI
PASCASISWAZAH
POSTGRADUATE SCHOLARSHIP APPLICATION FORM**

C. MAKLUMAT PENGAJIAN/ Particulars Of Studies

Fakulti:
Faculty

Peringkat Pengajian:
Level of Study

Doktor Falsafah
Doctor of Philosophy

Sarjana
Master

Jenis Pengajian
Type of Study

Bidang pengajian
Field of Studies

Tempoh pengajian :
Duration of Study

Nama Penyelia (jika ada) :
Supervisor (if any)

Tajuk Penyelidikan:
Research Title

Tajaan lain (jika ada):
Sponsorship (if any)

Pengesahan Penyelia:
Verified By Supervisor

Tarikh Kkuatkuasa: 9 September 2020



**BORANG PERMOHONAN BIASISWA UNIVERSITI
PASCASISWAZAH
POSTGRADUATE SCHOLARSHIP APPLICATION FORM**

D. MAKLUMAT PENDAPATAN ISI RUMAH/ Household Income Particulars

**Maklumat Bapa /Penjaga
Father /Guardian Particulars**

Nama Bapa/Penjaga :
Father /Guardian Name

No. Kad Pengenalan / Pasport :
Identity Card No. / Passport No

Pekerjaan :
Occupation

Nama dan alamat Majikan:
Name and employer address

Nombor Telefon:
Telephone Number

Pendapatan kasar bulanan:
Monthly Gross Income

Pendapatan bersih bulanan:
Monthly Net Income

**Maklumat Suami/ Isteri
Spouse Particulars**

Nama :
Name

No. Kad Pengenalan / Pasport :
Identity Card No. / Passport No

Pekerjaan :
Occupation

Nama dan alamat Majikan:
Name and employer address

Nombor Telefon:
Telephone Number

Pendapatan kasar bulanan:
Monthly Gross Income

Pendapatan bersih bulanan:
Monthly Net Income

Tarikh Kkuatkuasa: 9 September 2020



**BORANG PERMOHONAN BIASISWA UNIVERSITI
PASCASISWAZAH
POSTGRADUATE SCHOLARSHIP APPLICATION FORM**

E. MAKLUMAT AKAUN / Account Information

CIMB Bank

Malayan Banking Berhad (Maybank)

Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

Lain-lain (Sila nyatakan) : _____
(Please Specify)

No. Akaun Bank
Bank Account Number

F. AKUAN PELAJAR/ Declaration By Applicant

Saya dengan ini mengaku bahawa:

I hereby declare that:

Semua maklumat yang diisi adalah benar, pihak Universiti Malaysia Kelantan berhak menolak permohonan atau membatalkan tawaran pada bila-bila masa sekiranya keterangan yang dikemukakan adalah tidak benar. *All information stated here are accurate, Universiti Malaysia Kelantan has the right to reject or to cancel the offer if the information given is found to be inaccurate.*

Tandatangan Pemohon
Applicant Signature:

Tarikh
Date:

G. PERAKUAN & KELULUSAN OLEH DEKAN FAKULTI

Endorsement and Approval from Dean of Faculty

Diperakukan /Recommended

Tidak diperakukan/Not Recommended

Komen/Comment : _____

Tandatangan
Signature:

Tarikh
Date:

Tarikh Kkuatkuasa: 9 September 2020



**BORANG PERMOHONAN BIASISWA UNIVERSITI
PASCASISWAZAH
POSTGRADUATE SCHOLARSHIP APPLICATION FORM**

H. PERAKUAN & KELULUSAN OLEH DEKAN PASCASISWAZAH

Endorsement and Approval from Dean of Centre For Postgraduate Studies

Diperakukan /Recommended

Tidak diperakukan/Not Recommended

Komen/Comment : _____

Tandatangan

Signature:

Tarikh

Date:

KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

FOR OFFICE USE ONLY

Dokumen Lengkap
Documents Complete

Dokumen Tidak Lengkap
Documents Incomplete

Disemak Oleh :
Checked By

Nama : _____
Name

Tandatangan : _____
Signature

Jawatan : _____
Position

Cop : _____
Stamp

Tarikh : _____
Date

Tarikh Kkuatkuasa: 9 September 2020



**BORANG PERMOHONAN BIASISWA UNIVERSITI
PASCASISWAZAH
POSTGRADUATE SCHOLARSHIP APPLICATION FORM**

**JAWATANKUASA BIASISWA UNIVERSITI
*Scholarships Committee***

Tarikh Mesyuarat : _____
Date of Meeting

Status Lulus/*Approved*

Ditolak/*Rejected*

Diluluskan oleh:
Approved by


Nama : _____
Name

Tandatangan : _____
Signature

Jawatan : _____
Position

Cop : _____
Stamp

Tarikh : _____
Date

	Tarikh Kuatkuasa: 9 September 2020
	BORANG PERMOHONAN BIASISWA UNIVERSITI PASCASISWAZAH POSTGRADUATE SCHOLARSHIP APPLICATION FORM

SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN BIASISWA PASCASISWAZAH
Document Check List For Postgraduate Scholarship Application

Nota : Sila pastikan dokumen sokongan telah disahkan benar sebelum dihantar ke Pejabat Pentadbiran PPS

/Please ensure that the following documents has been certified true before submit to CPS Office

BIL No	JENIS DOKUMEN <i>Types Of Documents</i>	TANDAKAN (√) <i>Please Tick</i> (√)
1.	1 keping gambar berukuran pasport <i>One (1) passport sized photograph</i>	
2	Salinan Kad Matrik Pelajar <i>Copy of Matric Card</i>	
3.	Salinan Kad Pengenalan/Pasport <i>Copy of Identity card/Passport</i>	
4.	Salinan Transkrip Akademik Sarjana Muda dan Sarjana (disahkan benar dari salinan asal) <i>Copy of Bachelor Degree's /Master Degree's academic transcripts</i>	
5.	Salinan Surat Tawaran Pengajian di UMK <i>Copy of Offer Letter from UMK Postgraduate Centre</i>	
6	Satu (1) muka surat abstrak /Ringkasan Eksekutif cadangan penyelidikan <i>One (1) page of Abstract /Executive Summary of your proposed Research</i>	
7.	Salinan slip gaji Ibu/Bapa/Penjaga yang telah disahkan (jika berkenaan) <i>Copy of Parent/Guardian Pay Slip (If any)</i>	
8.	Salinan slip gaji Suami/Isteri yang telah disahkan (jika berkenaan) <i>Copy of Spouse Pay Slip (If any)</i>	
9.	Pengesahan Penyelia <i>Supervisor Verification</i>	
10.	Perakuan dan Kelulusan Dekan Fakulti <i>Endorsement and Approval from Dean of Faculty</i>	

***Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.**

Incomplete application will not be processed.

Permohonan dihantar ke:-

Application submitted to

Dekan
Pusat Pengajian Siswazah,
Universiti Malaysia Kelantan,
Kampus Kota, Pengkalan Chepa
16100 Kota Bharu ,Kelantan
Emel : siswazah@umk.edu.my
Tel : :+609-7717145 / 7049
Faks:+609-7717162